

>>Oleh Saipul Adli Mohamad
saipuladli@hmetro.com.my

Polis Johor lancar perang ragut, samun

RUKUN Negara asas penting untuk membina jati diri seseorang individu. Ia adalah ideologi kebangsaan Malaysia dicipta Majlis Kerajaan Negara pada 31 Ogos 1970, iaitu selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara.

Jelas, prinsip Rukun Negara menggariskan norma hidup, menyemai nilai jati diri dan kenegaraan yang ideal kepada rakyat serta asas dalam usaha memajukan negara berteraskan pembentukan masyarakat majmuk yang aman, harmoni dan progresif.

Prinsip asas itu sudah cukup untuk membentuk rakyat yang setia kepada agama, bangsa dan negara. Tetapi, setiap perkara itu dijadikan berpasangan dan satu hakikat yang tidak dapat ditolak, kemajuan dan pembangunan sudah pasti turut menghakik nilai murni dalam masyarakat.

Lantas, wujudlah jenayah yang bertunjangan niat untuk melakukannya dan kesempatan terhidang akibat sikap tidak berwaspada mangsa dan ia tercetus di mana-mana, tanpa mengira status sesebuah negara. Namun, berbanding jenayah terancang seperti rompakan bank, penculikan, penyeludupan atau perjudian, jenayah jalanan seperti ragut dan samun diakui sesuatu yang cukup membimbangkan masyarakat.

Jika kekerapan kes bertambah akan wujud pelbagai tanggapan negatif dan persepsi kurang menyenangkan. Amat malang jika masyarakat



MOHD MOKHTAR...
pastikan kes selesai

kat berasa takut untuk keluar rumah, apabila individu yang kian terhakis pengertian terhadap Rukun Negara itu semakin bermaharajalela.

Seolah-olah satu pautan, setelah Rukun Negara dicabuli, pertalian antara jenayah dan dadah pula cukup erat, sedangkan dadah yang memegang status sebagai musuh nombor satu negara, turut dianggap ibu kepada segala masalah.

Malah, peratusan pembabitian penjenayah jalanan se-

perti peragut dengan dadah, terbukti semakin tinggi dan kian mengusarkan. Golongan itu memerlukan wang segera bagi melepaskan gian dan apabila 'nikmat' dadah terutama jenis sintetik sudah merasuk fikiran, mereka tergamak bertindak melampaui batas dan layak digelar parasit dalam masyarakat.

Ini kerana jenayah dilakukan mereka menimbulkan ketakutan dan trauma kepada mangsa dan dalam beberapa kejadian, mangsa menemui ajal hanya kerana beberapa ringgit yang diburu peragut terbabit.

Bagi polis Johor, mereka mengakui berperang dengan dua perkara iaitu perang membanteras jenayah dan menghapuskan kebimbangan orang ramai terhadap jenayah untuk membolehkan mereka selamat tinggal di negeri itu.

Beberapa strategi dibuat dan paling utama meningkatkan kehadiran polis di tempat kerap berlaku jenayah supaya orang ramai berasakan wujud undang-undang yang perlu dihormati dan polis mudah memberikan bantuan. Langkah paling drastik apabila Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)

Johor muncul IPK pertama di negara ini yang mewujudkan Pasukan Task Force Ragut yang turut memabitkan anggota cawangan Trafik, pertengahan Jun lalu.

Cabaran pihak berkuasa itu amat jelas. Awal Februari lalu misalnya, seorang remaja lelaki berusia 19 tahun yang ditahan, boleh dianggap ancaman besar kepada masyarakat apabila mengaku melakukan 40 jenayah ragut di sekitar bandar raya Johor Bahru, sejak beberapa tahun lalu.

Pendedahan itu diperoleh hasil siasatan polis selepas remaja yang dipercayai terbabit dalam penagihan dadah itu diberkas ketika meragut seorang mangsa berhampiran sebuah hotel di Jalan Abdullah Tahir pada 29 Januari lalu.

Lebih mengejutkan, hasil siasatan mendapati remaja itu turut mengaku mencuri 20 motosikal di sekitar Taman Pelangi dan Taman Sri Tebrau. Dalam beberapa kes, kebencian masyarakat terhadap peragut membuatkan orang ramai tidak teragak-agak membantu mangsa sehingga suspek diberkas.

Selain itu, wujud golongan peragut yang tidak pernah

serik, misalnya dalam kes terbaru minggu lalu, biarpun pernah dipenjarakan, empat banduan masih melakukan jenayah dan kali ini, mereka dipercayai bertindak sebagai perancang bagi satu kumpulan penjenayah ragut dan samun dikenali sebagai Geng Jajam.

Bagaimanapun, hasil risikan dan operasi berterusan, kumpulan itu lumpuh apabila 10 anggotanya berusia antara 18 hingga 35 tahun ditahan dalam beberapa siri tangkapan dilakukan polis daripada pasukan khas yang ditubuhkan bagi membanteras jenayah ragut, bermula tangkapan pertama pada 27 Jun lalu.

Kumpulan peragut yang semuanya lelaki warga tempatan itu dikatakan sering menjadikan penunggang motosikal sebagai mangsa terutamanya memabitkan penunggang wanita dan mereka bukan sahaja meragut, malah turut melarikan motosikal mangsa.

Difahamkan, ahli kumpulan berkenaan kemudian menggunakan sebahagian besar motosikal yang dilarikan itu untuk melakukan jenayah ragut di sekitar Skudai, Seri Alam dan Johor Bahru.

dapat diberkas dalam masa singkat, tetapi polis juga tidak duduk diam. Malah, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff memberi jaminan tiada kes yang ditutup sehinggalah siasatan selesai dan logiknya, jerat tidak pernah lupakan pelan-duk.

"Saya faham apabila mangsa membuat laporan, tetapi masa diperlukan untuk menyelesaikan kes itu, mereka fikir polis tidak buat kerja. Saya memberi jaminan, perkara ini tidak berlaku dan kita tidak akan menutup sebarang kes sehingga ia selesai.

"Siasatan sentiasa berterusan dan terperinci. Itulah sebabnya kita mampu menangkap semua anggota Geng Jajam ini. Apabila sesuatu kes mengambil masa untuk diselesaikan, ia bermakna kami memastikan siasatan dilakukan daripada segenap sudut.

"Kami tidak mahu berlaku kejadian seperti penjenayah diberkas dalam masa singkat, tetapi terpaksa dibebaskan tanpa pendakwaan kerana kekurangan bukti," katanya.

Sejak awal tahun ini, seramai 166 peragut sudah ditahan di seluruh negeri. Manakala bagi kes berkaitan narkotik sepanjang enam bulan

Kejayaan menumpaskan kumpulan itu, menyaksikan polis berjaya menyelesaikan sebanyak 37 kes jenayah ragut dan samun yang berlaku di ketiga-tiga kawasan terbabit.

Kumpulan itu lumpuh selepas polis menerima laporan daripada seorang wanita berusia 23 tahun yang menjadi mangsa ragut di Jalan Stulang Darat, Johor Bahru, pada 6 April lalu apabila mangsa diragut dua lelaki bermotosikal yang menyebabkan beg tangannya dilarikan bersama motosikal.

Namun, hampir dua bulan kemudian iaitu pada 27 Jun lalu, polis menaħan dua lelaki berusia 18 dan 19 tahun di Kota Tinggi kerana dipercayai terbabit dalam jenayah terhadap wanita terbabit dan menemui semula motosikal mangsa yang dilarikan itu dan selepas itu, satu persatu anggota kumpulan itu tersungkur.

Kejadian ini mengesahkan tidak semestinya penjenayah

pertama tahun ini, sebanyak 3,252 tangkapan membabitkan 2,759 kes dicatatkan dan seramai 243 daripada tangkapan itu membabitkan pengedar dadah yang melakukan kesalahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Seramai 113 tangkapan dibuat membabitkan kesalahan memiliki dadah mengikut Seksyen 39A (2) dan 223 tangkapan Seksyen 39A (1) akta sama manakala 2,673 tangkapan adalah mengikut seksyen lain. Selain itu, 56 tangkapan membabitkan pengedar dadah mengikut Seksyen 3(1) ADB (Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985).

Dadah, peragut dan polis akan terus berperang dan kita sebagai orang awam ada masanya perlu berpaling kepada perkara asas. Hayatilah dan amalkan pengertian Rukun Negara, tutup ruang daripada menjadi mangsa jenayah dan salurkan maklumat, jika bersesuaian.